

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2010

1914A1/zu

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

MUKASURAT

LAPORAN PENGARAH	1 - 7
KENYATAAN PENGARAH	8
AKUAN BERKANUN	8
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	9 – 10
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	11
PENYATA PENDAPATAN	12
PENYATA KEWANGAN KOMPREHENSIF	13
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	14
PENYATA ALIRAN TUNAI	15 – 16
NOTA PADA PENYATA KEWANGAN	17 - 81

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan kepada para ahli laporan mereka berserta penyata kewangan beraudit Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat bergiat secara utamanya dalam semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan ketara dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun berkenaan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Untung bersih bagi tahun berkenaan	66,471

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak akhir tahun terdahulu.

Para pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen berhubung tahun semasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan material daripada atau kepada rizab dan peruntukan pada sepanjang tahun berkenaan didedahkan dalam nota pada penyata kewangan.

LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan untuk liabiliti insurans telah dibuat dengan secukupnya mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ('Rangka Kerja RBC') yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk penginsurans.

PERUNTUKAN UNTUK ROSOTAN NILAI

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa tindakan yang sepatutnya telah diambil berhubung rosotan penuh hutang lapuk dan penyediaan peruntukan untuk rosotan dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dikurangkan dan bahawa peruntukan yang memadai telah dibuat untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan mengakibatkan ketidakcukupan yang besar dalam jumlah yang dikurangkan untuk hutang lapuk atau dalam jumlah peruntukan untuk rosotan dalam penyata kewangan Syarikat.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak berkemungkinan untuk terealis dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjuk dalam rekod perakaunan Syarikat telah disusut nilai kepada suatu jumlah yang mungkin dijangka boleh terealis.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan jumlah yang dikaitkan dengan aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah timbul yang menyebabkan kepatuhan pada kaedah penilaian semasa ke atas aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai.

KONTINGEN DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang telah timbul sejak dari akhir tahun berkenaan yang menjamin liabiliti mana-mana orang, atau
- (b) sebarang liabiliti kontingen lain berhubung Syarikat yang telah timbul sejak dari akhir tahun berkenaan.

Tiada kontingen atau liabiliti lain Syarikat yang telah menjadi terkuatkuasa atau berkemungkinan untuk menjadi terkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas dari akhir tahun berkenaan yang, pada pandangan para pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu.

Bagi tujuan perenggan ini, kontingen atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang berbangkit daripada kontrak insurans yang ditajajamin dalam perjalanan biasa perniagaan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan, yang sekiranya belum ditangani dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Syarikat yang boleh menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA-PERKARA BERSIFAT LUARBIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat bagi tahun berkenaan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material atau luarbiasa, selain daripada perubahan dalam dasar perakaunan yang didedahkan dalam Nota 32 pada penyata kewangan.

Di antara akhir tahun berkenaan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material atau luarbiasa yang pada pandangan para pengarah berkemungkinan untuk menjejaskan secara besar keputusan operasi Syarikat bagi tahun laporan ini disediakan.

SAHAM MODAL

Tiada saham baru diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tahun berkenaan.

URUS TADBIR KORPORAT

Syarikat telah mematuhi semua keperluan preskriptif dan menggunakan amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25 (Disatukan): Rangka Kerja Berhemat Urus Tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans dan JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minimum bagi Pengurusan Berhemat untuk Penanggung Insurans, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Sebagai mematuhi JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minimum bagi Pengurusan Berhemat untuk Penanggung Insurans, Lembaga Pengarah ("Lembaga") telah menubuhkan empat sub-jawatankuasa seperti yang dinyatakan di bawah:

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tanggungjawab utama jawatankuasa ini ialah untuk mengesyorkan suatu rangka kerja pengurusan, dari segi strategi, dasar dan toleransi risiko, bagi kelulusan Lembaga serta untuk menyediakan satu penilaian menyeluruh tentang kecukupan infrastruktur pelaporan risiko yang termasuk sistem sumber dan sokongan, dalam menggalakkan budaya pengurusan risiko yang pro-aktif.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada dua pengarah bebas bukan-eksekutif dan seorang pengarah bukan-eksekutif bukan-bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Takashi Yoshikawa dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Empat mesyuarat Jawatankuasa pengurusan risiko telah diadakan sepanjang tahun berkenaan. Semua pengarah telah menghadiri mesyuarat tersebut.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Rangka Kerja pengurusan Syarikat terdiri daripada sebuah proses berterusan yang bertujuan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditetapkan, yang merangkumi semua tahap kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan segala operasi Syarikat dikendalikan secara berkesan dan cekap dan juga untuk memelihara aset-aset Syarikat dan kepentingan pemegang saham. Proses ini disokong oleh sebuah sistem maklumat yang boleh diharap yang merangkumi kesemua aktiviti penting. Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan-kawalan dalaman yang termasuk pemeriksaan bebas terhadap kawalan-kawalan tersebut oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembedahan, jika perlu, diambil tepat pada waktunya.

Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit ialah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkanunnya berhubung amalan-amalan perakaunan dan pelaporan Syarikat. Jawatankuasa Audit berfungsi di atas Terma Bidang Tugas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan tugas dan tanggungjawab utama yang berikut:

- a) untuk mengkaji semula dan melulus pelan audit oleh juruaudit luar dan dalaman, skop dan laporan audit berkenaan penilaian mereka ke atas sistem kawalan dalaman Syarikat;
- b) untuk mengkaji semula keputusan audit dan sama ada tindakan sewajarnya telah diambil ke atas syor-syor yang disaran oleh juruaudit luar dan dalaman;
- c) untuk menilai mutu audit yang dikendalikan oleh juruaudit luar dan membuat syor berkaitan pelantikan, penamatan tugas dan gaji, dan untuk mempertimbangkan pencalonan atau calon-calon juruaudit luar;
- d) untuk memberi jaminan bahawa maklumat kewangan yang dibentang oleh pengurusan adalah relevan, boleh dipercayai dan tepat pada masanya;
- e) untuk menyelia kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang relevan dan pemakaian tatakelakuan yang sesuai dan
- f) untuk menentukan mutu, kecukupan dan keberkesanan suasana kawalan dalaman Syarikat.

Jawatankuasa terdiri daripada 3 pengarah bebas bukan-eksekutif. Mereka ialah Teh Boon Eng, Emeritus Professor Dato' Dr Lian Chin Boon dan Dato' Ahmad Fuaad Bin Mohd Dahalan.

Enam mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun berkenaan dengan kehadiran penuh para pengarah.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pencalonan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa tersebut ialah untuk memastikan Lembaga dianggotai ahli-ahli yang mempunyai kecekapan teknik, profesionalisme, gabungan kemahiran yang diperlukan dan bahawa terdapat imbalan antara pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan pengarah bebas untuk memastikan pelaksanaan tanggungjawab Lembaga yang berkesan.

Jawatankuasa tersebut juga mengesyor perlantikan, kenaikan pangkat serta penyingkiran pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan membuat penilaian terhadap prestasi dan sumbangan individu mereka kepada Syarikat secara menyeluruh.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada dua pengarah bebas bukan eksekutif, dua pengarah bukan eksekutif bukan bebas dan seorang pengarah eksekutif bukan bebas. Mereka adalah Teh Boon Eng, Takashi Yoshikawa, Hironari Iwakuma, Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan dan Lee King Chi, Arthur.

Satu mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan telah diadakan pada tahun berkenaan, dengan ketidakhadiran seorang pengarah kerana terikat dengan urusan lain.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga terdiri daripada enam anggota, dan lima antaranya merupakan pengarah bukan eksekutif. Kesemua anggota Lembaga memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam semua aspek material perniagaan insurans demi memastikan Syarikat beroperasi dengan standard profesionalisme yang tertinggi.

Enam mesyuarat Lembaga telah diadakan pada tahun berkenaan, dengan ketidakhadiran dua orang pengarah pada sebanyak tiga mesyuarat disebabkan terikat dengan urusan lain.

Jawatankuasa Ganjaran

Tanggungjawab utama Jawatankuasa tersebut ialah untuk membuat penentuan dan syor kepada Lembaga berkaitan struktur dan dasar ganjaran, termasuk terma pekerjaan atau kontrak perkhidmatan bagi pengarah eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan untuk memastikan hubungan kukuh dipelihara antara tahap ganjaran dan prestasi individu dengan sasaran yang dipersetujui ke atas jumlah pakej ganjaran.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada dua pengarah bebas bukan eksekutif dan seorang pengarah bukan eksekutif bukan bebas. Mereka adalah Teh Boon Eng, Takashi Yoshikawa dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Satu mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran telah diadakan pada tahun berkenaan, dengan kehadiran kesemua pengarah.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SAHAM

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Teh Boon Eng

Emeritus Professor Dato' Dr Lian Chin Boon

Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan

Takashi Yoshikawa

Hironari Iwakuma

Lee King Chi, Arthur

Dai Inoue

(Dilantik pada 12 April 2010)

(Letak jawatan pada 12 April 2010)

Mengikut Tataurusan Persatuan Syarikat, Takashi Yoshikawa dan Lee King Chi, Arthur akan bersara pada Mesyuarat Agung yang akan datang, dan oleh kerana layak, mereka menawar diri untuk perlantikan semula.

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, tiada seorang pengarah pun yang berkhidmat pada akhir tahun berkenaan memegang apa-apa kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan berkaitnya.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun berkenaan, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang perkiraan yang bertujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

Sejak akhir tahun terdahulu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau menjadi layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada ganjaran pengarah dan ganjaran bukan wang yang ditunjuk dalam nota pada penyata kewangan Syarikat ini, Tokio Marine Asia Pte. Ltd., sebagai syarikat pemegangan Syarikat ini dan Tokio Marine and Nichido Fire Insurance Company Limited, sebagai anak syarikat bagi syarikat pemegangan utama Syarikat ini) menerusi kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkait dengan pengarah atau dengan firma yang dianggotainya, atau dengan syarikat yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA

Para pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegang utama Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka bertarikh 29 Mac 2011.

TEH BOON ENG
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

Kuala Lumpur

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**KENYATAAN OLEH PENGARAH MENURUT
SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Teh Boon Eng dan Hironari Iwakuma, sebagai dua daripada pengarah Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentang pada mukasurat 11 hingga 81 telah disediakan dengan memberi gambaran yang benar dan saksama tentang hal-ehwal Syarikat pada 31 Disember 2010 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tahun tersebut mengikut Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), yang merupakan Piawai Perakaunan Yang Diluluskan oleh Lembaga Piawai Perakaunan di Malaysia ("MASB") bagi Entiti Selain Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi mereka bertarikh 29 Mac 2011

TEH BOON ENG
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA
PENGARAH

**AKUAN BERKANUN
MENGIKUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Heng Kiah Ngan, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab secara utamanya bagi pengurusan kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, dengan bersungguh-sungguh dan suci hati mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 11 hingga 81 adalah, pada pandangan saya, betul, dan saya membuat akuan bersungguh-sungguh ini dengan keyakinan bahawa penyata kewangan tersebut adalah benar, dan menepati peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

DR HENG KIAH NGAN

Ditandatangani dan diakui dengan bersungguh-sungguh oleh penama di atas Heng Kiah Ngan di Kuala Lumpur di Malaysia pada 29 Mac 2011.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)
(No.Syarikat 149520 U)

LAPORAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2010, dan penyata pendapatan, pendapatan komprehensif lain, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai bagi tahun yang baru berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan serta nota-nota keterangan lain, seperti yang dinyatakan pada mukasurat 11 hingga 81.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengikut Piawai Pelaporan Kewangan, sebagai Piawai Perakaunan Yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, dan Akta Insurans, 1996 dan bagi kawalan-kawalan dalaman yang ditentukan sebagai perlu oleh para pengarah untuk membolehkan penyata kewangan disediakan bebas daripada silap nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Piawai-piawai tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada silap nyata yang material.

Sebuah audit melibatkan pelaksanaan beberapa tatacara untuk memperoleh bukti audit berkenaan amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan itu. Tatacara yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko daripada silap nyata material penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kekhilafan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada persediaan penyata kewangan yang dibuat oleh Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama untuk kami mereka bentuk tatacara audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan merumus pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sebuah audit juga termasuk membuat penilaian tentang kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta membuat penilaian tentang pembentangan menyeluruh penyata kewangan tersebut.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah memadai dan sesuai untuk menjadi asas bagi pendapat kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD (SAMBUNGAN)
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 149520 U)

LAPORAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan menurut Piawai Pelaporan Kewangan dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, serta Akta Insurans, 1996 agar memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun yang berakhir tersebut.

LAPORAN TERHADAP KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN BERPERATURAN LAIN

Mengikut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain dan daftar yang diperlukan oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan betul mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Syarikat sahaja, sebuah badan, mengikut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Berpiagam

SRIDHARAN NAIR
(No. 2656/05/12 (J))
Akauntan Berpiagam

Kuala Lumpur
29 Mac 2011

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2010

	<u>Nota</u>	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
ASET				
Harta, jentera dan peralatan	4	16,874	17,537	13,588
Aset tak ketara	5	26,930	26,930	26,930
Pelaburan	6	688,374	668,564	264,803
Pegangan hingga matang		80,964	94,385	94,252
Sedia dijual		524,516	511,658	133,976
Nilai saksama menerusi untung dan rugi		82,894	62,521	36,575
Aset insurans semula	7	159,512	164,540	147,636
Belum terima insurans	8	86,466	99,520	83,425
Cukai semasa boleh dapat kembali		-	1,307	-
Pinjaman dan belum terima (tidak termasuk belum terima insurans)	9	485,370	407,143	585,951
Aset cukai tertunda	14	-	-	3,662
Tunai dan baki bank		31,015	29,151	22,440
Jumlah aset		1,494,541	1,414,692	1,148,435
EKUITI, DANA AM DAN LIABILITI				
Saham modal	10	278,000	278,000	278,000
Perolehan tertahan	11	230,654	164,605	118,737
Rizab lain	12	8,082	3,383	1,705
Jumlah Ekuiti		516,736	445,988	398,442
Liabiliti kontrak insurans	13	845,561	853,886	656,085
Liabiliti cukai tertunda	14	5,850	1,672	-
Liabiliti kewangan lain	15	1,393	1,336	947
Insurans belum bayar	16	77,830	80,877	63,900
Cukai belum bayar		7,219	-	4,177
Belum bayar lain	17	39,952	30,933	24,884
Jumlah liabiliti		977,805	968,704	749,993
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,494,541	1,414,692	1,148,435

Nota iringan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	<u>Nota</u>	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
HASIL KENDALIAN	18	<u>730,201</u>	<u>699,710</u>
Premium terperoleh kasar	19(a)	693,316	668,214
Premium tersid kepada penanggung insurans semula	19(b)	<u>(131,807)</u>	<u>(109,304)</u>
PREMIUM PEROLEHAN BERSIH		<u>561,509</u>	<u>558,910</u>
Pendapatan pelaburan	20	36,885	31,496
Keuntungan dan kerugian terealis	21	289	1,991
Keuntungan dan kerugian nilai saksama		14,506	18,207
Pendapatan fi dan komisyen		<u>29,444</u>	<u>31,123</u>
HASIL LAIN		<u>81,124</u>	<u>82,817</u>
Tuntutan kasar dibayar		(438,268)	(402,456)
Tuntutan tersid kepada penanggung insurans semula		63,276	60,289
Perubahan kasar pada liabiliti kontrak insurans		2,946	(5,070)
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans tersid kepada penanggung insurans semula		<u>(415)</u>	<u>(27,453)</u>
TUNTUTAN TERTANGGUNG BERSIH		<u>(372,461)</u>	<u>(374,690)</u>
Belanja kendalian lain	22	(4,114)	(30,523)
Belanja fi dan komisyen		(78,336)	(78,380)
Belanja pengurusan	23	<u>(98,711)</u>	<u>(99,629)</u>
PERBELANJAAN LAIN		<u>(181,161)</u>	<u>(208,532)</u>
UNTUNG SEBELUM CUKAI		89,011	58,505
Cukai	24	<u>(22,540)</u>	<u>(12,637)</u>
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN		<u>66,471</u>	<u>45,868</u>
PEROLEHAN ASAS SESAHAM (SEN)	25	<u>24</u>	<u>16</u>

Nota iringan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	<u>Nota</u>	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
Untung bersih bagi tahun		66,471	45,868
Pendapatan komprehensif lain:			
Lebihan penilaian semula yang berbangkit semasa tahun berkenaan		1,120	-
Rizab tersedia untuk dijual			
Keuntungan bersih atas nilai saksama yang berbangkit semasa tahun berkenaan	6	3,965	3,653
Keuntungan terealis bersih dipindah ke penyata pendapatan	6	(280)	(249)
		<u>3,685</u>	<u>3,404</u>
Kesan cukai padanya	14	(106)	(1,726)
		<u>3,579</u>	<u>1,678</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		<u>71,170</u>	<u>47,546</u>

Nota iringan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	<u>Nota</u>	Saham modal RM'000	Tidak boleh agih		Boleh agih	Jumlah RM'000
			Rizab Penilaian semula RM'000	Rizab Tersedia dijual RM'000	Perolehan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2009 (seperti dinyatakan terdahulu)		278,000	717	-	117,839	396,556
Pelarasan akibat daripada perubahan dalam dasar perakaunan	32	-	-	988	898	1,886
Pada 1 Januari 2009 (seperti dinyatakan terdahulu)		278,000	717	988	118,737	398,442
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		-	-	1,678	45,868	47,546
Pada 31 Disember 2009 (seperti dinyatakan terdahulu)		278,000	717	2,666	164,605	445,988
Pada 1 Januari 2010 (seperti dinyatakan terdahulu)		278,000	717	2,666	161,987	443,370
Pelarasan akibat daripada perubahan dalam dasar perakaunan	32	-	-	-	2,196	2,196
At 1 Januari 2010 (seperti dinyatakan terdahulu)		278,000	717	2,666	164,183	445,566
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		-	1,120	3,579	66,471	71,170
Pada 31 Disember 2010		278,000	1,837	6,245	230,654	516,736

Nota iringan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	<u>2010</u>	<u>2009</u>
	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN		
Untung bersih bagi tahun	66,471	45,868
Pelarasan ke atas:		
Harta, jentera dan peralatan		
- susut nilai	5,541	6,321
- kerugian daripada pelupusan	531	299
- hapus kira	(48)	16
Keuntungan nilai saksama daripada aset kewangan di FVTPL	(14,506)	(18,207)
Tokokan diskaun	(174)	(166)
Untung daripada pelupusan aset kewangan di FVTPL	(2,835)	(571)
Untung daripada pelupusan aset kewangan AFS	(280)	(1,265)
Pendapatan pelaburan	(37,254)	(31,332)
Masuk kira semula peruntukan untuk hutang ragu	(347)	(290)
Hapus kira hutang lapuk	122	157
Kemerosotan ehsan	-	31,412
Belanja cukai	22,540	12,637
	<hr/>	<hr/>
Untung daripada kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	39,761	44,879
Pembelian pelaburan	(62,532)	(570,025)
Hasil daripada pelupusan pelaburan	79,632	123,579
Hasil daripada kematangan pelaburan	21,399	65,329
(Naik)/turun dalam deposit tetap dan panggilan	(73,252)	177,909
Kenaikan dalam insurans belum terima	(28,989)	(7,457)
(Turun)/naik dalam liabiliti kontrak insurans	(3,297)	37,976
Kenaikan dalam insurans belum bayar	6,029	17,089
Penurunan dalam pinjamam kakitangan	1,344	1,489
	<hr/>	<hr/>
	(19,905)	(109,232)
Cukai dibayar	(9,942)	(13,379)
Pendapatan pelaburan yang diterima:		
- Faedah	16,499	27,821
- Dividen	18,364	4,687
- Lain-lain	120	120
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dijana daripada/(diguna dalam) aktiviti kendalian	5,136	(89,983)
	<hr/>	<hr/>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pemerolehan perniagaan insurans am (Nota 33)	-	104,975
Pembelian harta, jentera dan peralatan	(3,978)	(8,521)
Hasil daripada pelupusan harta, jentera dan peralatan	706	240
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih (aliran keluar)/aliran masuk daripada aktiviti pelaburan	(3,272)	96,694
	<hr/>	<hr/>
KENAIKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	1,864	6,711
	<hr/>	<hr/>
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI	29,151	22,440
	<hr/>	<hr/>
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER	31,015	29,151
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan baki bank	31,015	29,151
	<hr/>	<hr/>

Nota iringan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Syarikat terlibat secara utama dalam tajajamin semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan besar dalam sifat aktiviti ini sepanjang tahun kewangan berkenaan.

Syarikat merupakan sebuah syarikat awam berliabiliti terhad yang diperbadankan dan bertapak di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di:

Aras 8, Symphony House, Block D13, Pusat Dagangan Dana 1,
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di:

Tingkat 29 – 31, Menara Dion
27 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegang utama Syarikat.

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah bersesuaian dengan sebuah resolusi Pengarah bertarikh 29 Mac 2011.

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan yang berikut telah digunakan secara konsisten dalam mengendalikan perkara-perkara yang dianggap sebagai material berhubung dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah kecuali apa yang didedahkan dalam ringkasan dasar perakaunan penting ini. Penyata kewangan mematuhi Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), sebagai Piawai Perakaunan Yang Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Persendirian, dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, dan Akta Insurans, 1996 dalam semua aspek yang material.

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali bagi instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksamanya dan anggaran liabiliti insurans mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangka Kerja RBC bagi Penanggung Insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

Pada permulaan tahun kewangan semasa, Syarikat telah menggunakan FRS yang baru dan yang telah disemak yang merupakan sesuatu yang mandatori bagi tempoh kewangan bagi tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 seperti yang diterangkan di bawah:

- (i) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran
- (ii) FRS 4 Kontrak Insurans
- (iii) FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan
- (iv) FRS101(R) Pembentangan Penyata Kewangan
- (v) FRS117(R) Pajakan

Semua perubahan dalam dasar-dasar perakaunan telah dibuat mengikut peruntukan peralihan dalam piawai masing-masing. Semua piawai yang diguna pakai oleh Syarikat memerlukan penggunaan retrospektif selain daripada FRS 139 dan FRS 7.

Selain daripada peningkatan pendedahan pada penyata kewangan, tiada impak bermakna ke atas keputusan kewangan dan dasar-dasar perakaunan Syarikat sebagai akibat daripada mengguna pakai FRS 7 dan FRS 101(R). Kesan-kesan mengguna pakai FRS 4, FRS 139 dan FRS 117(R) diterangkan dalam Nota 32 pada penyata kewangan.

Syarikat telah memenuhi keperluan modal minimum seperti yang ditentukan oleh Rangka Kerja RBC pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Penyediaan penyata kewangan adalah sejajar dengan FRS yang mengkehendaki penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh kedudukan kewangan, dan amaun hasil dan belanja yang dilaporkan pada tarikh laporan. Ia juga mengkehendaki para pengarah mengguna pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini berasaskan pada pengetahuan terbaik para pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Perkara-perkara yang melibatkan pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau perkara-perkara yang andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan adalah didedahkan dalam Nota 3.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

Intepretasi IC ke atas piawai sedia ada yang berikut ada kaitan dan relevan kepada Syarikat tetapi belum dikuatkuasakan. Syarikat akan mengguna pakai piawai-piawai ini pada tahun kewangan bermula 1 Januari 2011 atau pada selepasnya.

- FRS 3 Semakan "Kombinasi Perniagaan" (berkuatkuasa secara prospektif dari 1 Julai 2010) masih mengguna pakai kaedah pemerolehan ke atas kombinasi perniagaan, dengan beberapa perubahan penting. Sebagai contoh, semua bayaran untuk pembelian sebuah perniagaan hendaklah dicatat pada nilai saksama semasa tarikh pemerolehan, dengan bayaran kontingen diklasifikasikan sebagai hutang yang seterusnya akan diukur semula menerusi untung atau rugi. Terdapat pilihan atas asas pemerolehan dengan pemerolehan untuk mengukur kepentingan tak mengawal dalam pemeroleh sama ada pada nilai saksama atau pada kepentingan tak mengawal mengikut kadar bahagian aset bersih pemeroleh tersebut. Semua kos berkaitan pemerolehan hendaklah dibelanjakan.

Semakan tersebut tidak mempunyai sebarang impak ke atas penerusan perniagaan Syarikat yang telah selesai kerana ia akan diguna pakai secara prospektif.

- FRS 124 Semakan "Pendedahan pihak berkait" (berkuatkuasa dari 1 Januari 2012) menghapuskan pengecualian untuk mendedah urusanniaga antara entiti berkaitan kerajaan dengan pihak kerajaan, dan semua semua entiti berkaitan kerajaan yang lain. Pendedahan baru berikut diperlukan untuk entiti berkaitan kerajaan:
 - Nama kerajaan dan sifat hubungan mereka;
 - Sifat dan jumlah setiap urusanniaga yang penting; dan
 - Takat urusanniaga penting yang dibuat secara kolektif, sama ada secara kualiti atau kuantiti.

Tidak akan ada impak yang bermakna ke atas pendedahan Syarikat yang sedia ada.

- Pindaan kepada FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" dan FRS 1 "Penerimaan pakai kali pertama piawai pelaporan kewangan" (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011) memerlukan peningkatan pendedahan tentang ukuran nilai saksama dan risiko kecairan. Khususnya, pindaan itu memerlukan pendedahan ukuran nilai saksama mengikut tahap hierarki ukuran nilai saksama.
- Pindaan kepada FRS 132 "Instrumen kewangan: Pembentangan" tentang klasifikasi terbitan hak (berkuatkuasa dari 1 Mac 2010) menyentuh mengenai perakaunan untuk terbitan hak yang dinamakan dalam matawang selain daripada matawang berfungsi penerbit. Apabila beberapa syarat tertentu dipenuhi, terbitan hak tersebut kini diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti dan bukan liabiliti derivatif, tanpa mengira matawang yang dinamakan dalam harga laksana. Ketika ini, terbitan ini diterangkan sebagai liabiliti derivatif.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

- Intepretasi IC 4 “Menentukan sama ada sesuatu perkiraan mengandungi sebuah pajakan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011) memerlukan Kumpulan untuk mengenal pasti sebarang perkiraan yang bukan dalam bentuk sah sebuah pajakan tetapi memberi hak untuk mengguna sesebuah aset sebagai balasan bayaran atau beberapa siri bayaran. Intepretasi ini memberi panduan untuk menentukan sama ada perkiraan sedemikian adalah, atau mengandungi, pajakan. Penilaian berdasarkan intipati perkiraan dan memerlukan penilaian sama ada pelaksanaan perkiraan itu bergantung pada penggunaan aset tertentu dan perkiraan itu memberi hak untuk mengguna aset tersebut. Jika perkiraan itu mengandungi sebuah pajakan, keperluan FRS 117 “Pajakan” hendaklah diguna pakai ke atas pajakan dalam perkiraan itu.

Intepretasi IC tidak dijangka untuk memberi impak yang bermakna ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada.

- Intepretasai IC 19 "Menghapuskan liabiliti kewangan dengan instrumen ekuiti" (berkuatkuasa dari 1 Julai 2011) memberi kejernihan apabila suatu entiti merunding semula terma liabiliti kewangan dengan pemiutangnya dan pemiutang bersetuju untuk menerima saham entiti atau instrumen ekuiti lain untuk menyelesaikan liabiliti kewangan sepenuhnya atau sebahagian. Keuntungan atau kerugian, iaitu perbezaan antara amaun penyimpanan liabiliti kewangan dengan nilai saksama instrumen ekuiti yang dikeluarkan, akan diiktiraf dalam untung atau rugi. Entiti-entitii tidak lagi dibenarkan untuk mengelas semula nilai penyimpanan liabiliti kewangan sedia ada ke dalam ekuiti tanpa keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Intepretasi IC tidak dijangka untuk mempunyai impak yang bermakna kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada.

Pembaikan kepada FRS:

- FRS 2 (berkuatkuasa dari 1 Julai 2010) menjelaskan bahawa sumbangan sesebuah perniagaan kepada pembentukan sebuah usahasama dan urusniaga kawalan sepunya adalah di luar skop FRS 2.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

- FRS 3 (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011)
 - Menjelaskan bahawa pilihan mengukur kepentingan tak mengawal pada nilai saksama atau pada perkadaran bahagian aset bersih pemeroleh ada kaitan hanya dengan instrumen yang mewakili kepentingan pemilikan sekarang dan melayakkan pemegangnya kepada bahagian berkadaran dengan aset bersih sekira berlakunya pembubaran. Semua komponen lain kepentingan tak mengawal diukur pada nilai saksama kecuali jika asas ukuran lain diperlukan oleh FRS.
 - Menjelaskan bahawa pindaan pada FRS 7, FRS 132 dan FRS 139 bahawa penghapusan pengecualian bagi pertimbangan kontingen tiada berkaitan dengan pertimbangan kontingen yang timbul daripada kombinasi perniagaan yang mana tarikh pemerolehannya mendahului penggunaan pakai FRS 3 (2010). Perkiraan pertimbangan kontingen ini hendaklah diterangkan mengikut panduan dalam FRS 3 (2005).

Penambahbaikan ini tidak dijangka untuk mempunyai impak yang bermakna ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada.

- FRS 5 “Aset bukan semasa dipegang untuk jualan dan dihenti operasi” (berkuatkuasa dari 1 July 2010) menjelaskan bahawa semua aset dan liabiliti anak syarikat diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan jika rancangan jualan separa pelupusan akan mengakibatkan kehilangan kawalan. Pendedahan yang relevan hendaklah dibuat bagi anak syarikat ini jika definisi penghentian operasi dipenuhi. Penambahbaikan ini tidak dijangka untuk mempunyai impak yang bermakna ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada.
- FRS 101 “Pembentangan penyata kewangan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011) menjelaskan bahawa sebuah entity akan membentangkan analisis pendapatan komprehensif lain bagi setiap komponen ekuiti, sama ada dalam penyata perubahan dalam ekuiti atau dalam nota pada penyata kewangan. Penambahbaikan ini tidak dijangka untuk mempunyai impak yang bermakna ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada.
- FRS 138 “Aset tak ketara” (berkuatkuasa dari 1 Julai 2010) menjelaskan bahawa sekumpulan aset tak ketara pelengkap yang diperoleh dalam sebuah kombinasi perniagaan boleh diiktiraf sebagai satu aset tunggal jika setiap aset mempunyai hayat berguna yang serupa. Penambah-baikannya ini tidak dijangka untuk mempunyai impak yang bermakna ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat yang sedia ada.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Kombinasi perniagaan

Kaedah perakaunan belian diguna untuk menjelaskan kombinasi perniagaan. Kos sesuatu pemerolehan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen ekuiti yang dikeluarkan dan liabiliti yang bertanggung pada tarikh tukaran, termasuk kos yang dikaitkan secara langsung dengan pemerolehan itu. Aset-aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti sebagai diperoleh dan liabiliti kontingen yang bertanggung dalam kombinasi perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Lebih kos pemerolehan daripada nilai saksama bahagian Syarikat dalam aset bersih yang boleh dikenal pasti sebagai diperoleh pada tarikh pemerolehan ditunjuk sebagai ehsan. Lihat Nota 2 (c) dasar perakaunan tentang ehsan. Jika kos pemerolehan kurang daripada nilai saksama aset bersih yang diperoleh, perbezaan itu diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

(c) Ehsan

Ehsan mewakili lebih pertimbangan pembelian dan kos berkait pemerolehan daripada agregat nilai saksama aset bersih perniagaan yang diperoleh pada tarikh pemerolehan. Lihat Nota 2(g) dasar perakaunan tentang kemerosotan aset bukan kewangan.

Ehsan diuji secara tahunan bagi kemerosotan dan disimpan pada kos tolak kerugian kemerosotan terkumpul. Kerugian kemerosotan ehsan tidak boleh dibalikkan.

Ehsan diuntukkan kepada unit penjana tunai bagi tujuan ujian kemerosotan. Peruntukan ini dibuat ke atas unit-unit penjana tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan di mana terbitnya ehsan.

(d) Harta, jentera dan peralatan

Harta, jentera dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Tanah pegangan pajak dan bangunan kemudiannya ditunjuk pada amaun penilaian semula, berdasarkan penilaian berkala sekurang-kurangnya sekali setiap 5 tahun oleh jurunilai luar bebas, tolak susut nilai berikutnya dan kerugian kemerosotan. Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dihapus terhadap amaun penyimpanan kasar aset, dan amaun bersih dinyatakan semula pada amaun dinilai semula aset tersebut.

Semua harta, jentera dan peralatan lain dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul. Kos tidak termasuk perbelanjaan yang berpunca secara langsung daripada pemerolehan perkara-perkara tersebut.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun penyimpanan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ada kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan perkara tersebut akan mengalir masuk ke Syarikat dan kos perkara itu boleh diukur secara pasti. Pemulihan dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan semasa tempoh ia ditanggung.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Harta, jentera dan peralatan (sambungan)

Harta, jentera dan peralatan disusut nilai pada asas garisan lurus untuk menghapus kira kos aset kepada nilai sisa dengan anggaran hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

Tanah pegangan pajak dan bangunan	50 tahun
Perabot and kemasan	3 - 6 tahun
Kenderaan bermotor	4 tahun
Peralatan pejabat dan komputer	3 - 6 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji semula dan diselaraskan, jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Lebih yang berbangkit daripada penilaian semula dikredit pada rizab penilaian semula menerusi penyataan pendapatan komprehensif lain. Sebarang defisit yang timbul daripada penilaian semula dicaj pada rizab penilaian semula setakat lebih terdahulu yang dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua kes lain, penurunan dalam amaun penyimpanan dicaj kepada penyata pendapatan bagi tempoh kewangan ia ditanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat juga menilai sama ada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jika tanda-tanda tersebut wujud, analisis dibuat untuk menilai sama ada amaun penyimpanan aset tersebut boleh didapati kembali sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika amaun penyimpanan melebihi amaun yang boleh didapati kembali. Lihat Nota 2(g) dasar perakaunan berkenaan kemerosotan aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan secara membanding hasil dengan amaun penyimpanan dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan. Daripada pelupusan aset yang dinilai semula, amaun dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset tersebut dipindah ke perolehan tertahan.

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain

Syarikat mengelas pelaburan dan aset kewangan lainnya kepada kategori berikut: aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, pegangan hingga matang atau tersedia untuk dijual. Pengelasan aset kewangan ditentukan pada pengiktirafan awal

(i) Nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL berkaitan dengan aset kewangan yang diperolehi atau ditanggung secara utamanya bagi tujuan menjual atau membelinya semula pada tempoh terdekat atau ia merupakan sebahagian daripada portfolio sekuriti yang dikenal pasti yang diurus bersama dan baginya terdapat bukti terbaru tentang corak sebenar pengambilan untung jangka pendek. Aset kewangan pada FVTPL diukur pada nilai saksama dan sebagai keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian daripada pembatalan pengiktirafan bagi aset kewangan sedemikian diukur sebagai perbezaan antara hasil jualan dan nilai saksama yang kali terakhir diselaraskan dalam penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain (sambungan)

(ii) Pegangan hingga Matang (“HTM”)

Aset kewangan pada HTM adalah aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap yang Syarikat ada niat positif dan keupayaan untuk pegang hingga matang. Aset kewangan HTM diukur pada kos terlunas mengguna kaedah hasil berkesan. Sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset kewangan itu terbatal pengiktirafan atau terjejas,

(iii) Pinjaman dan belum terima (“LAR”)

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Aset-aset kewangan ini pada awalnya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama bagi pertimbangan yang dibayar untuk pemerolehan aset kewangan. Semua kos urusniaga yang berpunca secara langsung daripada pemerolehan tersebut juga dimasukkan ke dalam kos aset kewangan. Selepas ukuran awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas, mengguna kaedah kadar hasil berkesan ditolak peruntukan untuk kemerosotan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset kewangan itu dibatal pengiktirafan atau terjejas, serta menerusi proses pelunasan.

(iv) Tersedia untuk dijual (“AFS”)

Aset kewangan AFS adalah aset kewangan yang tidak dikelaskan sebagai FVTPL atau HTM atau LAR dan diukur pada nilai saksama. Aset kewangan AFS pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kos urusniaga yang berpunca secara langsung daripada pemerolehannya. Selepas ukuran awal, aset kewangan AFS kemudiannya diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada perubahan dalam nilai saksama, bersih cukai pendapatan, dilaporkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif dan dilaporkan sebagai komponen ekuiti berasingan sehingga aset kewangan itu dibatal pengiktirafan atau ditentukan sebagai terjejas. Apabila aset kewangan dibatal pengiktirafan atau terjejas, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf terdahulu dalam ekuiti akan dipindah menerusi penyata pendapatan komprehensif ke penyata pendapatan.

(f) Kemerosotan aset kewangan

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan sudah merosot. Aset kewangan dikira merosot dan kerugian kemerosotan bertanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif kemerosotan tersebut akibat daripada satu peristiwa atau lebih yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset itu (‘peristiwa rugi’) dan bahawa peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) rugi itu mempunyai impak ke atas anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan itu yang boleh dibuat anggaran dengan pasti.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Kerosotan aset kewangan (sambungan)

(i) Aset kewangan disimpan pada kos terlunas

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian kerosotan ke atas aset kewangan HTM yang disimpan pada kos terlunas telah berlaku, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun penyimpanan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan dengan diskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Amaun penyimpanan aset itu diturunkan melalui penggunaan akaun elaun dan amaun kerugian diiktiraf dalam pendapatan.

Jika, kemudiannya, amaun kerugian kerosotan menurun dan penurunan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerosotan itu diiktiraf, kerugian kerosotan yang diiktiraf terdahulu akan dibalikkan dengan menyelaras akaun elaun. Amaun pembalikan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Aset kewangan disimpan pada kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian kerosotan ke atas aset kewangan disimpan pada kos (contoh: instrumen ekuiti atau ketiadaan pasaran aktif atau nilai saksamanya tidak dapat diukur dengan pasti) telah berlaku, amaun kerugian itu diukur sebagai perbezaan antara amaun penyimpanan aset itu dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang serupa. Kerugian kerosotan sedemikian tidak boleh ditarik balik.

(iii) Aset kewangan disimpan pada nilai saksama

Dalam kes aset kewangan dikelaskan sebagai AFS, penurunan yang bermakna atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti itu di bawah kos dipertimbangkan dalam menentukan sama ada aset tersebut telah merosot. Jika bukti tersebut wujud untuk aset kewangan AFS, kerugian kumulatif diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kerosotan ke atas aset kewangan yang diiktiraf terdahulu dalam untung atau rugi dipindah dari ekuiti menerusi penyata pendapatan komprehensif dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jika, kemudiannya, nilai saksama instrumen hutang dikelaskan sebagai aset kewangan AFS disimpan pada nilai saksama meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kerosotan diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kerosotan itu dibalikkan menerusi penyata pendapatan. Kerugian kerosotan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan atas instrumen ekuiti tidak ditarik balik menerusi penyata pendapatan.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Kerosotan aset bukan kewangan

Aset-aset yang mempunyai hayat berguna yang berkekalan tidak tertakluk pada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk kerosotan. Aset-aset yang tertakluk pada pelunasan dikaji semula untuk kerosotan, setiap kali peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun penyimpanan mungkin tidak boleh didapati kembali sepenuhnya.

Kerugian kerosotan diiktiraf bagi amaun yang mana nilai penyimpanan aset itu melebihi amaun boleh didapati kembali. Amaun boleh didapati kembali ialah amaun yang tertinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos untuk jual dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menilai kerosotan, aset dikumpulkan pada paras terendah yang mana untuknya terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit penjana tunai) Aset bukan kewangan selain daripada ehsan yang mengalami kerosotan dikaji semula untuk kemungkinan pembalikan kerosotan pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kerosotan dicaj pada penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali jika ia menarik balik penilaian terdahulu yang jika demikian ia dicaj pada lebihan penilaian semula. Kerugian kerosotan terhadap ehsan tidak boleh ditarik balik. Dalam hal aset-aset lain, sebarang peningkatan terkemudian dalam amaun boleh dapat kembali diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika ia menarik balik kerugian kerosotan atas aset yang dinilai semula yang jika demikian ia dibawa ke lebihan penilaian semula.

(h) Pembatalan pengiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dibatal pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripadanya telah luput atau di mana ia telah dipindahkan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

(i) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan kewangan terakru dalam tahun perkhidmatan berkaitan diberi oleh pekerja Syarikat.

(ii) Manfaat pasca pekerjaan

Caruman Syarikat kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja, rancangan sumbangan kebangsaan, dicaj kepada penyata pendapatan bagi tempoh ia berkaitan. Apabila caruman sudah dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi untuk membayar.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Insurans semula

Syarikat mengsid risiko insurans dalam perjalanan biasa perniagaan bagi semua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki yang kena dibayar oleh syarikat-syarikat insurans semula. Amaun yang boleh didapati kembali daripada penanggung insurans semula dianggar secara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan belum lunas atau tuntutan yang telah diselesaikan berkaitan dasar-dasar penanggung insurans semula dan mengikut kontrak insurans semula yang berkaitan.

Perkiraan insurans semula yang disid tidak melepaskan Syarikat daripada obligasinya kepada pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibentangkan pada asas kasar bagi kedua-dua insurans semula yang disid dan ditanggung.

Aset insurans semula dikaji semula untuk kemerosotan pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap apabila timbul tanda kemerosotan semasa tempoh laporan itu. Kemerosotan berlaku apabila wujud bukti objektif disebabkan oleh sesuatu peristiwa selepas pengiktirafan awal aset insurans semula itu bahawa Syarikat mungkin tidak terima semua amaun yang belum lunas di bawah terma kontrak dan peristiwa itu mempunyai impak yang boleh diukur secara pasti ke atas amaun-amaun yang Syarikat akan terima daripada penanggung insurans semula. Kerugian kemerosotan dicatat dalam penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian daripada pembelian insurans semula diiktiraf dalam untung atau rugi sejeurus selepas tarikh pembelian dan tidak dilunas.

Syarikat juga menanggung risiko insurans semula dalam perjalanan biasa perniagaan bagi kontrak insurans am apabila berkait.

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula yang ditanggung diiktiraf sebagai hasil atau belanja sama seperti jika insurans semula itu dianggap perniagaan langsung, dengan mengambil kira klasifikasi produk perniagaan yang diinsurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki-baki yang kena dibayar kepada syarikat-syarikat insurans semula. Amaun-amaun yang perlu dibayar dianggar secara konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula dibatal pengiktirafan apabila hak-hak kontraktual terhapus atau tamat tempoh atau apabila kontrak dipindah kepada pihak lain.

(j) Insurans semula (sambungan)

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans penting diakaunkan secara langsung menerusi kunci kira-kira. Ini adalah aset deposit atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berdasarkan pertimbangan yang telah dibayar atau diterima ditolak sebarang premium yang dikenal pasti secara terang atau fi yang ditahan oleh yang diinsurans semula. Pendapatan pelaburan daripada kontrak-kontrak ini diterangkan mengguna kaedah kadar hasil berkesan apabila terakru.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Insurans belum terima

Insurans belum terima diiktiraf apabila kena dibayar dan diukur pada pengiktirafan awal pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum terima. Selepas pengiktirafan awal, insurans belum terima diukur pada kos terlunas, mengguna kaedah kadar hasil berkesan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa insurans belum terima sudah merosot, Syarikat akan menurunkan amaun penyimpanan insurans belum terima itu dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian kemerosotan itu dalam penyata pendapatan. Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa insurans belum terima telah merosot mengguna proses yang sama yang diguna pakai untuk aset kewangan yang disimpan pada kos terlunas. Kerugian kemerosotan dihitung mengikut kaedah yang sama digunakan untuk aset-aset kewangan ini.

(l) Keputusan tajajamin insurans am

Klasifikasi produk

Syarikat mengeluarkan kontrak yang memindah risiko insurans.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans penting. Sebuah kontrak insurans ialah kontrak dimana Syarikat (penanggung insurans) telah menerima risiko insurans penting daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan bersetuju untuk memberi pampasan kepada pemegang polisi sekiranya peristiwa masa depan tak pasti yang tertentu (peristiwa yang diinsuranskan) menjejaskan pemegang polisi dengan teruknya. Sebagai panduan umum, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang penting dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat yang kena dibayar jika peristiwa yang diinsuranskan tidak berlaku.

Apabila sebuah kontrak telah diklasifikasikan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans bagi baki tempoh hayatnya, walaupun risiko insurans menurun dengan ketara semasa tempoh ini, melainkan jika semua hak dan obligasi telah dihapuskan atau telah luput tempoh.

Keputusan tajajamin insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan setelah mengambil kira insurans semula, komisyen, premium tak peroleh dan tuntutan yang ditanggung.

Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam tahun berhubung risiko yang ditanggung semasa tahun berkenaan. Premium daripada perniagaan langsung diiktiraf semasa tahun nota debit dikeluarkan. Premium berhubung risiko yang telah dimulakan yang mana nota debit belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan terakhir pada tarikh tersebut sebagai premium akan datang.

Perjanjian premium insurans semula masuk diiktiraf atas asas maklumat berkala yang diterima daripada penanggung insurans serahan.

Premium insurans semula keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama seperti polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula tersebut.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada yang mana lebih tinggi diantara:

- (a) agregat rizab premium tidak terperoleh ("UPR"); atau
- (b) nilai anggaran terbaik rizab risiko belum luput tempoh ("URR") Syarikat pada tarikh penilaian dan peruntukan untuk margin risiko bagi penyimpangan yang teruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang dikehendaki oleh BNM, dihitung pada tahap keseluruhan Syarikat. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran prospektif bayaran masa depan yang dijangka berbangkit dari peristiwa masa depan yang diinsuranskan di bawah polisi-polisi yang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan termasuk elaun untuk perbelanjaan Syarikat, termasuk perbelanjaan dan kos insurans semula, yang dijangka ditanggung semasa tempoh belum luput dalam penggunaan polisi-polisi ini dan penyelesaian tuntutan relevan, dan memperuntukkan jangkakan bayaran balik untuk premium masa depan.

UPR mewakili bahagian premium bersih yang ditulis berkaitan tempoh belum luput polisi-polisi pada akhir tahun berkenaan.

Dalam menentukan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat menunjukkan premium tak terperoleh sebenar digunakan, seperti berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) kaedah pengagihan masa bagi polisi-polisi bukan tahunan yang dikurangkan oleh peratusan komisyen perniagaan langsung kasar yang berkaitan dengan premium sepadan, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- (ii) kaedah 1/24 untuk kelas-kelas lain perniagaan umum berhubung polisi-polisi Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sepadan bagi komisyen perniagaan langsung kasar yang berkaitan dengan premium sepadan, tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh BNM.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Liabiliti tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum lunas diiktiraf berkaitan insurans langsung dan juga insurans semula masuk.

Peruntukan liabiliti tuntutan dibuat bagi anggaran kos untuk semua tuntutan berserta belanja berkaitan ditolak pemulihan insurans semula, berhubung tuntutan diberitahu tetapi tidak diselesaikan pada tarikh kunci kira-kira. Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, berserta belanja berkaitan, ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh kunci kira-kira, berdasarkan penilaian aktuari dengan PRAD pada tahap keyakinan 75% seperti yang diperlukan oleh BNM.

Sepanjang tahun berkenaan, pihak pengurusan secara tetap mentaksir semula tuntutan dan peruntukan pada asas individu dan juga kelas, berdasarkan nasihat dan laporan profesional bebas, maklumat sedia ada lain dan taksiran pengurusan sendiri ke atas tuntutan dan peruntukan.

Kos pemerolehan dan kos pemerolehan tertunda ("DAC")

Kos untuk memperoleh dan memperbaharui polisi insurans bersih daripada pendapatan yang diperoleh premium insurans semula serahan, diiktiraf sebagai tertanggung dan diuntukkan secara betul pada tahun kewangan yang mungkin menghasilkan pendapatan.

Kos ini adalah tertunda setakat ia boleh didapati semula daripada premium masa depan. Semua kos pemerolehan lain diiktiraf sebagai belanja apabila tertanggung. Sebuah kajian semula ke atas kemerosotan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan atau dengan lebih kerap apabila tanda kemerosotan timbul. Apabila amaun boleh didapati kembali kurang daripada nilai penyimpanan, kerugian kemerosotan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

DAC juga dipertimbangkan dalam ujian kecukupan liabiliti bagi setiap tempoh perakaunan. DAC dibatal pengiktirafannya apabila kontrak berkaitan sama ada di selesaikan atau dilupuskan.

Bagi tujuan pembentangan, DAC diselesaikan dengan liabiliti premium dalam penyata kewangan.

Penilaian liabiliti kontrak insurans am

Bagi kontrak insurans am, anggaran perlu dibuat bagi kedua-dua kos tuntutan muktamad yang dijangka yang dilapor pada akhir tempoh laporan dan untuk kos tuntutan muktamad yang dijangka yang ditanggung tapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh laporan.

Ia mungkin akan mengambil masa yang panjang sebelum kos tuntutan muktamad boleh ditentukan dengan sedikit kepastian dan untuk beberapa jenis polisi, tuntutan IBNR mewakili sebahagian besar liabiliti kontrak insurans. Kos muktamad bagi tuntutan belum dilunas dianggar mengguna sebilangan teknik standard unjuran tuntutan aktuari seperti kaedah Chain Ladder dan Bornheutter-Ferguson.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Penilaian liabiliti kontrak insurans am (sambungan)

Anggapan utama yang mendasari teknik-teknik ini ialah bahawa pengalaman perkembangan tuntutan lampau Syarikat boleh diguna untuk memaparkan corak perkembangan tuntutan masa depan, maka terbentuklah kos tuntutan muktamad. Oleh itu, kaedah-kaedah ini mengekstrapolasi perkembangan kerugian yang dibayar dan ditanggung, purata kos setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berdasarkan perkembangan yang dicerap daripada tahun terdahulu dan nisbah kerugian yang dijangka. Perkembangan tuntutan bersejarah dianalisis secara utamanya menerusi tahun kemalangan, tetapi boleh dianalisis dengan lebih lanjut dengan bidang perniagaan penting dan jenis tuntutan. Tuntutan besar biasanya ditangani secara berasingan, sama ada dirizab pada nilai muka yang dianggar oleh pelaras kerugian atau diunjur secara berasingan untuk mencerminkan perkembangan masa depan. Dalam kebanyakan kes, tiada anggapan jelas dibuat mengenai kadar masa depan inflasi tuntutan atau nisbah kerugian. Sebaliknya, anggapan yang diguna adalah anggapan yang tersirat dalam data perkembangan sejarah tuntutan yang menjadi dasar unjuran tersebut.

Sebagai tambahan, pertimbangan kualitatif tertentu diguna untuk mentaksir sejauh mana trend lampau mungkin tiada kaitan pada masa depan demi mencapai anggaran kos muktamad tuntutan yang memaparkan hasil yang mungkin berlaku daripada beberapa kemungkinan, dengan mengambil kira semua ketidakpastian yang terlibat.

(m) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan faedah termasuk amaun pelunasan premium dan tokokan diskaun diiktiraf atas asas berkadaran masa dengan mengambil kira pokok belum lunas dan kadar berkesan ke atas tempoh matang, apabila ia ditentukan maka pendapatan tersebut terakru pada Syarikat.

Pendapatan sewa diiktiraf atas asas perkadaran masa kecuali apabila keingkaran bayaran sewa sudah berlaku dan sewa kena dibayar kekal tidak terlunas selama lebih enam bulan, yang dalam kes demikian pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, pendapatan diiktiraf atas asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran sudah ditetapkan.

Keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada pelupusan pelaburan dikredit atau dicaj pada penyata pendapatan.

(n) Urusniaga matawang asing

Perkara-perkara yang dimasukkan dalam penyata kewangan Syarikat diukur mengguna matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsian").

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan Syarikat.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Urusniaga matawang asing (sambungan)

Urusniaga matawang asing dalam Syarikat diterangkan pada kadar tukaran yang lazim pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari matawang asing pada tarikh kunci kira-kira diterjemah pada kadar tukaran yang menguasai pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran yang berbangkit dari penyelesaian urusniaga matawang asing dan daripada penterjemahan aset dan liabiliti monetari matawang asing dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(o) Cukai pendapatan

Belanja cukai semasa ditetapkan mengikut undang-undang cukai dalam bidang kuasa tempat Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, mengguna kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dan amaun penyimpanannya dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sejauh mana ada kemungkinan akan terdapat keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang dengannya perbezaan sementara deduktibel atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Kadar cukai yang dibuat atau sebahagian besarnya dibuat menjelang tarikh kunci kira-kira diguna untuk menentukan cukai tertunda dan dijangka diguna pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan terealis atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

(p) Liabiliti kontingen dan aset kontingen

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen adalah suatu obligasi yang mungkin berbangkit daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan dengan kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang di luar kawalan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu. Liabiliti kontingen juga timbul dalam kes yang amat jarang berlaku di mana suatu liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset kontingen adalah suatu aset yang mungkin yang timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah suatu kemungkinan tetapi boleh dikatakan tidak pasti.

(q) Dividen

Dividen diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi untuk pembayaran ditentukan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Pajakan kendalian

Pajakan aset yang mana semua risiko dan manfaat pemilikan ditahan oleh pemberi pajak diklasifikasikan sebagai pajakan kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj pada penyata pendapatan atas asas garisan lurus selama tempoh pajakan.

(s) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi sah atau konstruktif sebagai akibat daripada peristiwa-peristiwa lampau, apabila ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, dan apabila anggaran amaun boleh dibuat dengan pasti.

(t) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, tidak termasuk deposit tetap dan panggilan.

(u) Instrumen kewangan

Huraian

Instrumen kewangan ialah mana-mana kontrak yang menimbulkan kedua-dua aset kewangan kepada sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan lain.

Aset kewangan ialah mana-mana aset yang berbentuk tunai, hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada perusahaan lain, hak kontraktual untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang mungkin menguntungkan, atau instrumen ekuiti daripada perusahaan lain.

Liabiliti kewangan ialah sebarang liabiliti yang merupakan obligasi kontraktual untuk menyerah tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau untuk bertukar instrumen kewangan lain dengan perusahaan lain di bawah syarat-syarat mmungkin menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan

Kaedah pengiktirafan khusus yang diguna pakai untuk instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam nota dasar perakaunan yang dikaitkan dengan setiap perkara.

Anggaran nilai saksama

Asas anggaran nilai saksama bagi instrumen kewangan Syarikat adalah seperti berikut:

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(u) Instrumen kewangan (sambungan)

Anggaran nilai saksama (sambungan)

- nilai saksama Sekuriti Kerajaan Malaysia berasaskan harga pasaran indikatif;
- nilai saksama kertas Cagamas dan sekuriti hutang korporat tak disebut adalah berasaskan hasil pasaran indikatif diperoleh daripada pengurus dana;
- nilai saksama sekuriti ekuiti sebutan dan amanah saham adalah berasaskan harga pasaran sebutan; dan
- amaun peyimpanan aset dan liabiliti kewangan lain dengan tempoh matang kurang daripada setahun ditanggung pada anggaran nilai saksamanya.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN GENTING PERAKAUNAN

Anggaran dan pertimbangan ditaksir secara berterusan oleh pengarah dan berasaskan pengalaman bersejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai sebagai munasabah mengikut keadaan itu.

(a) Anggaran dan anggapan genting perakaunan

Syarikat membuat anggaran dan anggapan berkenaan masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil, mengikut definisi, jarang sama dengan keputusan berkaitan yang sebenar. Untuk menguatkan anggaran isi maklumat, beberapa pemboleh ubah penting yang dijangka mempunyai impak material ke atas keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat diuji untuk kepekaan pada perubahan parameter. Anggaran dan anggapan yang mempunyai risiko penting untuk menyebabkan pelarasan material kepada amaun penyimpanan aset dan liabiliti dalam masa tahun depan yang digariskan di bawah.

(i) Anggaran kemerosotan nama baik

Nama baik diuntukkan kepada unit penjana tunai ("CGU") bagi tujuan ujian kemerosotan, yang dilaksanakan pada tahap terendah nama baik diselia untuk tujuan pengurusan dalaman. Ujian kemerosotan dilakukan secara tahunan oleh Syarikat mengikut dasar-dasar perakaunan dengan membandingkan amaun CGU yang boleh didapati kembali pdengan amaun pyang eyimpanan aset bersih yang diuntukkan kepada CGU, termasuk nama baik berkaitan.

Amaun CGU yang boleh didapati kembali ditentukan berasaskan penghitungan nilai dalam penggunaan. Penghitungan itu memerlukan penggunaan anggaran.

(ii) Liabiliti tuntutan

Nilai liabiliti tuntutan bagi setiap kelas perniagaan dianggar dengan merujuk kepada pelbagai teknik anggaran, yang secara umumnya berdasarkan analisis statistik pengalaman bersejarah yang menunjukkan corak bayaran dan perkembangan tuntutan, dan termasuk peruntukan margin risiko bagi penyimpangan teruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang diperlukan oleh BNM. PRAD ialah komponen nilai liabiliti insurans yang berkaitan dengan ketidakpastian yang wujud dalam nilai anggaran terbaik liabiliti tuntutan. PRAD juga merupakan komponen tambahan nilai liabiliti bertujuan untuk memastikan nilai liabiliti tuntutan ditentukan pada tahap keyakinan yang lebih tinggi (atau keberangkalian) bahawa peruntukan itu akhirnya akan menjadi cukup. Anggaran terakhir yang dipilih adalah berdasarkan pertimbangan keputusan bagi setiap kaedah dan maklumat kualitatif, seperti kelas perniagaan, kematangan portfolio dan jangkaan terma bagi penyelesaian kelas itu. Unjuran adalah berasaskan pengalaman bersejarah dan tanda aras luaran di mana relevan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

3 ANGGARAN DAN TAKSIRAN PERAKAUNAN GENTING (SAMBUNGAN)

(a) Anggaran dan anggapan perakaunan genting (sambungan)

(ii) Liabiliti tuntutan (sambungan)

Disebabkan oleh hakikat bahawa liabiliti tuntutan muktamad bergantung pada akibat peristiwa masa depan seperti saiz anugerah mahkamah, sikap pihak menuntut terhadap penyelesaian tuntutan mereka dan inflasi sosial dan ekonomi, terdapat ketidakpastian dalam mana-mana anggaran liabiliti tuntutan muktamad. Oleh yang demikian, terdapat batasan terhadap ketepatan anggaran tersebut. Malah, adalah pasti bahawa kerugian masa depan sebenar dan belanja pelarasan kerugian tidak akan terbentuk seperti yang diunjur dan mungkin jauh berbeza daripada yang diunjur.

(b) Pertimbangan genting dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Syarikat

Dalam menentukan dan mengguna pakai dasar-dasar perakaunan, pertimbangan sering diperlukan berhubung perkara-perkara yang mana pilihan dasar tertentu boleh menjejaskan keputusan yang dilaporkan dan kedudukan kewangan Syarikat secara material. Walau bagaimanapun, para pengarah berpendapat bahawa sekarang ini tiada dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan penting dilaksanakan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, JENTERA DAN PERALATAN

	Tanah pegangan pajak RM'000	Bangunan RM'000	Perabot dan kemasan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2010	2,793	1,357	13,687	2,194	25,501	45,532
Tambahan	-	-	1,772	727	1,478	3,977
Penilaian semula	607	513	-	-	-	1,120
Pelupusan	-	-	-	(927)	(1,408)	(2,335)
Hapus kira	-	-	(934)	(4)	(118)	(1,056)
Pada 31 Disember 2010	3,400	1,870	14,525	1,990	25,453	47,238
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2010	177	87	9,266	1,601	16,864	27,995
Caj bagi tahun	66	33	2,254	36	3,152	5,541
Pelupusan	-	-	-	(801)	(1,363)	(2,164)
Hapus kira	-	-	(900)	-	(108)	(1,008)
Pada 31 Disember 2010	243	120	10,620	836	18,545	30,364
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2010	3,157	1,750	3,905	1,154	6,908	16,874

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, JENTERA DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Tanah pegangan <u>pajak</u> RM'000	<u>Bangunan</u> RM'000	Perabot dan <u>kemasan</u> RM'000	Kenderaan <u>bermotor</u> RM'000	Peralatan pejabat dan <u>komputer</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2009	2,333	1,167	10,317	2,998	19,496	36,311
Berbangkit dari pemerolehan perniagaan	460	190	-	-	1,186	1,836
Tambahan	-	-	3,390	123	5,007	8,520
Pelupusan	-	-	(17)	(811)	(133)	(961)
Hapus kira	-	-	(3)	(116)	(55)	(174)
Pada 31 Disember 2009	<u>2,793</u>	<u>1,357</u>	<u>13,687</u>	<u>2,194</u>	<u>25,501</u>	<u>45,532</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2009	111	56	7,059	1,867	13,630	22,723
Caj bagi tahun	66	31	2,223	661	3,404	6,385
Pelupusan	-	-	(15)	(811)	(129)	(955)
Hapus kira	-	-	(1)	(116)	(41)	(158)
Pada 31 Disember 2009	<u>177</u>	<u>87</u>	<u>9,266</u>	<u>1,601</u>	<u>16,864</u>	<u>27,995</u>
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2009	<u>2,616</u>	<u>1,270</u>	<u>4,421</u>	<u>593</u>	<u>8,637</u>	<u>17,537</u>

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, JENTERA DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Tanah pegangan pajak RM'000	Bangunan RM'000	Perabot dan kemasan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2008	2,333	1,167	7,727	3,096	15,124	29,447
Tambahan	-	-	2,590	421	4,568	7,579
Pelupusan	-	-	-	(519)	(83)	(602)
Hapus kira	-	-	-	-	(113)	(113)
Pada 31 Disember 2008	2,333	1,167	10,317	2,998	19,496	36,311
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2008	56	28	5,584	1,765	11,035	18,468
Caj bagi tahun	55	28	1,475	334	2,741	4,633
Pelupusan	-	-	-	(232)	(69)	(301)
Hapus kira	-	-	-	-	(77)	(77)
Pada 31 Disember 2008	111	56	7,059	1,867	13,630	22,723
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2008	2,222	1,111	3,258	1,131	5,866	13,588

Pada tahun berakhir 31 Disember 2010, Syarikat menilai semula harta huni sendirinya yang kali terakhir dinilai semula pada tahun 2005. Penilaian harta-harta bernilai RM4,620,000 ini yang diguna pakai oleh para pengarah pada 31 Disember 2010 adalah berasaskan nilai pasaran harta-harta tersebut, mengguna kaedah penilaian perbandingan, dilaksana oleh jurunilai bebas yang berkelayakan. Nilai bersih buku harta itu diselaras untuk menunjukkan penilaian semula tersebut dan lebihan yang terhasil dikredit pada rizab penilaian semula menerusi penyata pendapatan komprehensif.

Nilai buku bersih tanah dan bangunan yang telah dinilai semula, sekiranya aset disimpan pada kos ditolak susut nilai terkumpul, dinyatakan di bawah:

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
Tanah pegangan pajak	2,246	2,293	1,899
Bangunan di atas tanah pegangan pajak	1,084	1,148	985

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

5 EHSAN

	<u>2010</u>	<u>2009</u>
	RM'000	RM'000
Kos:		
Pada 1 Januari	26,930	26,930
Berbangkit dari pemerolehan perniagaan (Nota 33)	-	31,412
Tolak: Kemerostan ehsan (Nota 22)	-	(31,412)
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	26,930	26,930
	<hr/>	<hr/>

Ehsan Syarikat timbul daripada pemerolehan perniagaan Amanah General Insurance (M) Bhd ("AGIB"), Asia Insurance (M) Bhd ("AIMB") dan PanGlobal Insurance Berhad ("PGI") masing-masing pada 2002, 2007 dan 2009. Pada 31 Disember 2010, amaun penyimpanan ehsan yang berbangkit daripada pemerolehan perniagaan AGIB dan AIMB adalah masing-masing RM13,666,666 (2009: RM13,666,666) dan RM13,263,065 (2009: RM13,263,065).

Ehsan yang timbul daripada pemerolehan PGI telah dihapus kira pada penyata pendapatan pada tahun 2009 oleh kerana para pengarah berpendapat bahawa tiada manfaat ekonomi masa depan berkaitan dengan pemerolehan perniagaan tersebut disebabkan oleh liberalisasi sektor insurans baru-baru ini, termasuk pemansuhan kekangan ke atas pembukaan cawangan-cawangan baru bagi penanggung insurans milik asing.

Amaun penyimpanan ehsan yang selebihnya diperuntukkan kepada CGU yang terdiri daripada rangkaian cawangan yang dipindah masing-masing daripada AGIB dan AIMB. Amaun CGU yang boleh didapati kembali ditentukan berasaskan penghitungan nilai dalam penggunaan. Penghitungan ini mengguna aliran tunai sebelum cukai berasaskan bajet kewangan yang diluluskan oleh para pengarah yang meliputi tempoh selama lima tahun. Aliran tunai yang melebihi tempoh lima tahun di ekstrapolasi mengguna kadar pertumbuhan berterusan.

Anggapan utama diguna dalam penghitungan nilai dalam penggunaan bagi CGU masing-masing adalah seperti berikut:

	<u>AGIB</u>	<u>AIMB</u>
	%	%
Purata kadar pertumbuhan perniagaan	9	11
Kadar pertumbuhan berterusan (bagi nilai penamat)	5	5
Kadar diskaun sebelum cukai	10	10
Nisbah kerugian	61	62

Para pengarah telah menentukan kadar pertumbuhan berasaskan prestasi terdahulu dan jangkaan mereka terhadap perkembangan pasaran. Kadar pertumbuhan purata wajar adalah konsisten dengan ramalan yang dimuatkan dalam laporan industri, diselarasakan dengan trend dan jangkaan cawangan-cawangan Syarikat. Kadar diskaun yang digunakan adalah sebelum cukai dan menunjukkan kos modal purata wajar keseluruhan bagi industri insurans am.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

5 EHSAN (SAMBUNGAN)

Anggaran purata kadar pertumbuhan perniagaan dan kadar pertumbuhan berterusan adalah 1% lebih rendah daripada anggaran pihak pengurusan dan jika kadar diskaun sebelum cukai dan nisbah kerugian lebih tinggi daripada anggaran pengurusan dengan 1 %, amaun CGU yang boleh didapati kembali akan masih lebih tinggi daripada aset bersih CGU. dan dengan demikian tidak akan berlaku sebarang kemerosotan dalam ehsan.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN

Pelaburan kewangan Syarikat dirumuskan mengikut kategori seperti berikut:

	<u>2010</u>	<u>2009</u>
	RM'000	RM'000
Aset kewangan pegangan hingga matang ("HTM")	80,964	94,385
Pinjaman dan belum terima ("LAR") (Nota 9)	485,370	407,143
Aset kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")	524,516	511,658
Nilai saksama menerusi untung & rugi ("FVTPL")	82,894	62,521
	<u>1,173,744</u>	<u>1,075,707</u>

Pelaburan berikut akan matang selepas 12 bulan:

HTM	45,545	80,657
LAR	11,275	13,690
AFS	70,849	69,297
	<u>127,669</u>	<u>163,644</u>

(a) Pegangan hingga matang ("HTM")

	<u>2010</u>	<u>2009</u>
	RM'000	RM'000
<u>Kos terlunas</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	80,356	80,657
Sekuriti hutang korporat – disebutharga di Malaysia	-	13,001
	<u>80,356</u>	<u>93,658</u>
<u>Pendapatan faedah terakru</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	608	608
Sekuriti hutang korporat – disebutharga di Malaysia	-	119
	<u>608</u>	<u>727</u>
	<u>80,964</u>	<u>94,385</u>
<u>Nilai saksama</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	81,333	82,074
Sekuriti hutang korporat – disebutharga di Malaysia	-	13,058
	<u>81,333</u>	<u>95,132</u>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(b) Tersedia untuk dijual ("AFS")

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
<u>Nilai saksama</u>		
Sekuriti hutang:		
Disebutharga di Malaysia	3,283	3,179
Tidak disebutharga	72,594	71,074
	<u>75,877</u>	<u>74,253</u>
Dana unit amanah	447,478	436,406
	<u>523,355</u>	<u>510,659</u>
<u>Pendapatan faedah terakru</u>		
Sekuriti hutang:		
Disebutharga di Malaysia	68	68
Tidak disebutharga	1,093	931
	<u>1,161</u>	<u>999</u>
	<u>524,516</u>	<u>511,658</u>

(c) Nilai saksama menerusi untung dan rugi ("FVTPL")

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
<u>Nilai saksama</u>		
Dipegang untuk perdagangan:		
Sekuriti ekuiti	80,805	60,632
Dana unit amanah dan hartanah	2,089	1,889
	<u>82,894</u>	<u>62,521</u>

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(d) Nilai penyimpanan aset kewangan

	<u>HTM</u>	<u>AFS</u>	<u>FVTPL</u>	<u>Jumlah</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2009	94,252	133,552	36,999	264,803
Pembelian	46,576	493,568	29,881	570,025
Matang	(46,108)	(19,221)	-	(65,329)
Pelupusan	-	(100,183)	(22,566)	(122,749)
Keuntungan nilai saksama dicatat dalam :				
Penyata pendapatan		-	18,207	18,207
Pendapatan komprehensif lain	-	3,404	-	3,404
Pelarasan (Pelunasan)/tokokan	(335)	538	-	203
Pada 31 Disember 2009	94,385	511,658	62,521	668,564
Pembelian		26,053	36,479	62,532
Matang	(13,126)	(8,272)	-	(21,398)
Pelupusan	-	(8,951)	(30,612)	(39,563)
Keuntungan nilai saksama dicatat dalam :				
Penyata pendapatan		-	14,506	14,506
Pendapatan komprehensif lain	-	3,685	-	3,685
Pelarasan (pelunasan)/tokokan	(295)	343	-	48
Pada 31 Disember 2010	80,964	524,516	82,894	688,374

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(e) Nilai saksama aset kewangan

Jadual berikut menunjukkan pelaburan yang dicatat pada nilai saksama, dianalisis oleh asas berbeza bagi nilai saksama seperti berikut:

	<u>AFS</u> RM'000	<u>FVTPL</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
31 Disember 2010			
Harga pasaran sebutharga Teknik penilaian	3,351	82,894	86,245
– input boleh cerap pasaran	521,165	-	521,165
	<u>524,516</u>	<u>82,894</u>	<u>607,410</u>
31 Disember 2009			
Harga pasaran sebutharga Teknik penilaian	3,247	62,521	65,768
– input boleh cerap pasaran	508,411	-	508,411
	<u>511,658</u>	<u>62,521</u>	<u>574,179</u>

Termasuk dalam kategori sebutan harga adalah instrumen kewangan yang diukur secara menyeluruh atau sebahagian dengan merujuk kepada sebutan harga yang diterbitkan di pasaran aktif. Instrumen kewangan dianggap sebagai disebut harga di pasaran aktif jika harga sebutan boleh didapati dengan mudah dan tetap daripada sebuah bursa, pasaran peringkat kedua menerusi wakil penjual dan broker, khidmat harga atau agensi kawal selia dan kesemua harga tersebut mewakili urusniaga pasaran yang berlaku secara sebenar dan tetap pada asas urusniaga tulus.

Instrumen kewangan diukur mengguna teknik penilaian berdasarkan anggapan yang disokong oleh harga-harga daripada urusniaga pasaran semasa yang boleh dicerap adalah instrumen yang harga diperolehi melalui khidmat harga tetapi jika harga belum ditentukan dalam pasaran aktif, instrumen dengan nilai saksama berdasarkan sebutan broker, pelaburan dalam unit amanah dan hartanah dengan nilai saksama didapati menerusi pengurus dana dan instrumen yang dinilai mengguna model Syarikat sendiri di mana sebahagian besar anggapan adalah boleh cerap pasaran.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

7 ASET INSURANS SEMULA

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
Insurans semula kontrak insurans (Nota 13)	160,231	165,759	147,636
Peruntukan untuk kemerosotan	(719)	(1,219)	-
	<u>159,512</u>	<u>164,540</u>	<u>147,636</u>

8 INSURANS BELUM TERIMA

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
Premium kena bayar termasuk baki agen/broker dan penanggung insurans bersama	78,462	84,456	78,253
Kena bayar daripada penanggung insurans semula dan penyerah	20,607	27,513	15,403
	<u>99,069</u>	<u>111,969</u>	<u>93,656</u>
Peruntukan untuk kemerosotan	(12,603)	(12,449)	(10,231)
	<u>86,466</u>	<u>99,520</u>	<u>83,425</u>

9 PINJAMAN DAN BELUM TERIMA (TIDAK TERMASUK INSURANS BELUM TERIMA)

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
<u>Kos terlunas</u>			
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen	454,154	382,659	560,568
Pinjaman kakitangan	7,691	9,035	10,525
Peruntukan untuk kemerosotan	(168)	(168)	(168)
	<u>7,523</u>	<u>8,867</u>	<u>10,357</u>
	<u>461,677</u>	<u>391,526</u>	<u>570,925</u>
<u>Pendapatan faedah terakru</u>			
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen	4,144	2,386	2,992
	<u>4,144</u>	<u>2,386</u>	<u>2,992</u>
	<u>465,821</u>	<u>393,912</u>	<u>573,917</u>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

9 PINJAMAN DAN BELUM TERIMA (TIDAK TERMASUK INSURANS BELUM TERIMA)
(SAMBUNGAN)

	<u>31.12.2010</u>	<u>31.12.2009</u>	<u>1.1.2009</u>
	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Belum terima lain</u>			
Terimaan tuntutan 'knock-for-knock'	2,717	2,400	2,583
Aset dipegang di bawah Malaysia Motor Insurance Pool	9,396	5,274	2,884
Belum terima, deposit dan prabayaran lain	8,023	6,144	6,674
	<u>20,136</u>	<u>13,818</u>	<u>12,141</u>
Peruntukan untuk kemerosotan	(587)	(587)	(107)
	<u>19,549</u>	<u>13,231</u>	<u>12,034</u>
	<u>485,370</u>	<u>407,143</u>	<u>585,951</u>
<u>Nilai saksama</u>			
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen	463,151	385,045	563,560
Pinjaman kakitangan [elaun kemerosotan bersih RM168,039 (2009: RM168,039)]	7,523	8,867	10,357
Belum terima lain	19,549	13,231	12,034
	<u>490,223</u>	<u>407,143</u>	<u>585,951</u>

Nilai saksama deposit hampir menyamai amaun penyimpanannya disebabkan tempoh matang yang agak pendek, kecuali untuk instrumen deposit boleh niaga ("NID") yang nilai saksamanya berasaskan purata harga pasaran pertengahan indikatif yang diperolehi daripada tiga orang broker/wakil penjual.

Nilai saksama pinjaman kakitangan ditentukan dengan membanding kadar faedah pasaran semasa bagi instrumen kewangan yang serupa dengan kadar yang ditawarkan apabila pinjaman pertama kali diiktiraf bersama dengan pelarasan kredit pasaran yang bersesuaian.

Nilai saksama belum terima yang lain-lain hampir menyamai amaun penyimpanannya.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

10	MODAL SAHAM	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
	Saham biasa dibenarkan pada harga RM1 setiap satu		
	Pada permulaan dan akhir tahun	300,000	300,000
	Saham biasa diterbitkan dan berbayar penuh pada harga		
	RM1 setiap satu		
	Pada permulaan dan akhir tahun	278,000	278,000
11	PEROLEHAN TERTAHAN		
	Di bawah sistem cukai se-tingkat yang berkuatkuasa dari tahun penilaian 2008, syarikat-syarikat tidak diperlukan untuk mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk dividen bagi tujuan bayaran. Dividen yang dibayar di bawah sistem ini dikecualikan cukai untuk pemegang saham.		
	Syarikat-syarikat yang mempunyai kredit Seksyen 108 pada 31 Disember 2010 boleh terus membayar dividen yang difranki sehingga kredit Seksyen 108 habis atau sehingga 31 Disember 2013, yang mana lebih awal, kecuali jika mereka memilih untuk tidak menghiraukan kredit Seksyen 108 untuk membayar dividen satu tingkat di bawah peruntukan peralihan Akta Kewangan, 2008.		
	Tertakluk pada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai kredit yang mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, dan akaun pengecualian cukai untuk menfrangi kira-kira RM69.8 juta (2009: RM83.2 juta) daripada perolehan tertahannya pada 31 Disember 2010 jika dibayar sebagai dividen. Takat perolehan tertahan yang tidak diliputi pada tarikh tersebut berjumlah RM160.2 juta (2009: RM78.8 juta).		
12	RIZAB LAIN	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
	<u>Rizab penilaian semula</u>		
	Pada 1 Januari	717	717
	Lebihan penilaian semula dalam tahun	1,120	-
	Pada 31 Disember	1,837	717
	<u>Rizab tersedia untuk dijual</u>		
	Pada 1 Januari	2,666	988
	Laba nilai saksama berbangkit semasa tahun	3,579	1,678
	Pada 31 Disember	6,245	2,666
	Jumlah	8,082	3,383

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

13 **LIABILITI KONTRAK INSURANS**

	2010			2009			1.1.2009		
	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000
Insurans am	845,561	(160,231)	685,330	853,886	(165,759)	688,127	656,086	(147,636)	508,450
	<u>845,561</u>	<u>(160,231)</u>	<u>685,330</u>	<u>853,886</u>	<u>(165,759)</u>	<u>688,127</u>	<u>656,086</u>	<u>(147,636)</u>	<u>508,450</u>
Peruntukan untuk tuntutan	444,558	(79,994)	364,564	475,590	(90,467)	385,123	375,723	(96,962)	278,761
Peruntukan untuk tuntutan dilapor tapi tidak ditanggung ("IBNR")	100,917	(19,587)	81,330	72,831	(9,529)	63,302	47,875	(15,402)	32,473
Peruntukan untuk tuntutan belum lunas (i)	545,475	(99,581)	445,894	548,421	(99,996)	448,425	423,598	(112,364)	311,234
Liabiliti premium (ii)	300,086	(60,650)	239,436	305,465	(65,763)	239,702	232,488	(35,272)	197,216
	<u>845,561</u>	<u>(160,231)</u>	<u>685,330</u>	<u>853,886</u>	<u>(165,759)</u>	<u>688,127</u>	<u>656,086</u>	<u>(147,636)</u>	<u>508,450</u>
(i) Peruntukan untuk tuntutan belum lunas									
Pada 1 Januari	548,421	(99,996)	448,425	423,598	(112,364)	311,234			
Tuntutan ditanggung pada tahun kemalangan semasa	420,549	(49,522)	371,027	451,008	(55,076)	395,932			
Berbangkit daripada pemerolehan perniagaan (Nota 33)	-	-	-	119,753	(15,085)	104,668			
Pergerakan lain dalam tuntutan ditanggung pada tahun kemalangan terdahulu	(13,313)	(3,281)	(16,594)	(38,334)	16,367	(21,967)			
Pergerakan IBNR pada tahap keyakinan 75%	28,086	(10,058)	18,028	(5,148)	5,873	725			
Tuntutan dibayar pada tahun	(438,268)	63,276	(374,992)	(402,456)	60,289	(342,167)			
Pada 31 Disember	<u>545,475</u>	<u>(99,581)</u>	<u>445,894</u>	<u>548,421</u>	<u>(99,996)</u>	<u>448,425</u>			

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

13 **LIABILITI KONTRAK INSURANS (SAMBUNGAN)**

	2010			2009		
	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000
(ii) Liabiliti premium						
Pada 1 Januari	305,465	(65,763)	239,702	232,487	(35,271)	197,216
Berbangkit dari pemerolehan perniagaan (Nota 33)	-	-	-	39,416	(2,382)	37,034
Premium ditulis pada tahun (Nota 19(a))	687,937	(126,694)	561,243	701,775	(137,413)	564,362
Premium diperoleh sepanjang tahun (Nota 19(a))	<u>(693,316)</u>	<u>131,807</u>	<u>(561,509)</u>	<u>(668,213)</u>	<u>109,303</u>	<u>(558,910)</u>
Pada 31 Disember	<u>300,086</u>	<u>(60,650)</u>	<u>239,436</u>	<u>305,465</u>	<u>(65,763)</u>	<u>239,702</u>

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

14 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda akan diimbangi apabila terdapat hak untuk dikuatkuasa secara sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda ada kaitan dengan pihak berkuasa yang sama.

(a) Baki cukai tertunda Syarikat selepas imbangan yang sewajarnya adalah seperti berikut:

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
(Liabiliti)/aset cukai tertunda	<u>(5,850)</u>	<u>(1,672)</u>	<u>3,662</u>
<u>Tertakluk pada cukai pendapatan:</u>			
Aset cukai tertunda (sebelum imbangan)			
- Pelaburan	-	-	1,680
- Belum terima	3,519	3,564	2,586
- Liabiliti premium	-	-	26
- Aset kewangan pada HTM	157	84	-
	<u>3,676</u>	<u>3,648</u>	<u>4,292</u>
Imbangan	<u>(3,676)</u>	<u>(3,648)</u>	<u>(630)</u>
Aset cukai tertunda (selepas imbangan)	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>3,662</u>
Liabiliti cukai tertunda (sebelum imbangan)			
- Harta, jentera dan peralatan	1,736	964	630
- Liabiliti premium	1,004	650	-
- Aset kewangan pada AFS	2,199	1,324	-
- Aset kewangan pada FVTPL	4,587	2,382	-
	<u>9,526</u>	<u>5,320</u>	<u>630</u>
Imbangan	<u>(3,676)</u>	<u>(3,648)</u>	<u>(630)</u>
Liabiliti cukai tertunda (selepas imbangan)	<u>5,850</u>	<u>1,672</u>	<u>-</u>

(b) Pergerakan dalam baki cukai tertunda sepanjang tahun adalah seperti berikut:

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
Pada 1 Januari (seperti dinyatakan terdahulu)	(800)	5,300	4,317
Pelarasan berbangkit dari perubahan dalam dasar perakaunan (Nota 32)	<u>(872)</u>	<u>(1,638)</u>	<u>-</u>
Pada 1 Januari (seperti dinyatakan terdahulu)	(1,672)	3,662	4,317
Berbangkit dari pemerolehan perniagaan (Nota 33)	-	1,134	-
	<u>(1,672)</u>	<u>4,796</u>	<u>4,317</u>

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

14 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

(b) Pergerakan dalam baki cukai tertunda sepanjang tahun adalah seperti berikut: (sambungan)

	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
(Dicaj)/dikredit pada penyata pendapatan (Nota 24)			
- Pelaburan	-	(2,412)	1,706
- Belum terima	(813)	978	(1,816)
- Harta, jentera dan peralatan	(772)	(334)	(158)
- Liabiliti premium	(355)	(676)	(21)
- Sekuriti dipegang untuk perdagangan	(2,205)	(2,382)	-
- Sekuriti dipegang hingga matang	73	84	-
	<u>(4,072)</u>	<u>(4,742)</u>	<u>(289)</u>
Dicaj pada ekuiti :			
- Sekuriti tersedia untuk dijual	(106)	(1,726)	(366)
Jumlah pergerakan bagi tahun	<u>(4,178)</u>	<u>(6,468)</u>	<u>(655)</u>
Pada 31 Disember	<u>(5,850)</u>	<u>(1,672)</u>	<u>3,662</u>
	<u>31.12.2010</u> RM'000	<u>31.12.2009</u> RM'000	<u>1.1.2009</u> RM'000
Dibentang selepas imbangan yang sewajarnya seperti berikut:			
Aset cukai tertunda	3,676	3,648	(630)
Liabiliti cukai tertunda	(9,526)	(5,320)	4,292
	<u>(5,850)</u>	<u>(1,672)</u>	<u>3,662</u>

15 LIABILITI KEWANGAN LAIN

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
Deposit diterima daripada penanggung insurans semula	1,393	1,336

Amaun penyimpanan yang didedah di atas membuat anggaran nilai saksama pada tarikh kunci kira-kira.

Semua amaun perlu dibayar dalam tempoh setahun.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2010 (SAMBUNGAN)

16 INSURANS BELUM BAYAR

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
Kena bayar kepada agen dan perantara	41,412	44,347
Kena dibayar kepada penanggung insurans semula dan penyerah	36,418	36,530
	<u>77,830</u>	<u>80,877</u>

Amaun penyimpanan yang didedahkan di atas membuat anggaran nilai saksama pada tarikh kunci kira-kira.

Semua amaun perlu dibayar dalam tempoh setahun.

17 BELUM BAYAR LAIN

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
Cagaran tunai dipegang pada bon kontrak	312	5,081
Liabiliti gaji	10,925	10,503
Belum bayar lain dan belanja terakru	28,715	15,349
	<u>39,952</u>	<u>30,933</u>

Amaun penyimpanan yang didedahkan di atas membuat anggaran nilai saksama pada tarikh kunci kira-kira.

18 HASIL KENDALIAN

	<u>2010</u> RM'000	<u>2009</u> RM'000
Perolehan kasar premium (Nota 19(a))	693,316	668,214
Pendapatan pelaburan (Nota 20)	36,885	31,496
	<u>730,201</u>	<u>699,710</u>

No. Syarikat

